

Jurukimpal mengaku memiliki bahan pornografi di dalam telefon pintarnya

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM5,000 atau enam bulan penjara terhadap seorang jurukimpal yang mengaku bersalah memiliki bahan pornografi di dalam telefon pintarnya ketika diperiksa polis.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Albert Abum, 34, yang didakwa mengikut Seksyen 292(a) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun, denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 4.15 petang pada 24 Januari 2024 di sebuah premis di Jalan Pelabuhan, Pusat Komersial Yoshi Square di sini.

Fakta kes mendedahkan sepasukan polis menjalankan Ops Pedo berdasarkan maklumat berkaitan pornografi kanak-kanak dan daripada maklumat tersebut, mereka telah melakukan pemeriksaan ke atas tertuduh di

premis berkenaan.

Hasil pemeriksaan mendapat terdapat bahan-bahan pornografi terkandung di dalam telefon pintar yang diserahkan tertuduh.

Polis seterusnya melakukan tangkapan dan merampas telefon pintar tersebut.

Pemeriksaan awal ke atas gajet yang diserahkan oleh tertuduh mendapat terdapat kandungan bahan-bahan pornografi dewasa ditemui di dalam ‘folder’ gambar di dalam telefon tertuduh.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan suatu kesalahan iaitu memiliki dan menyimpan bahan pornografi di dalam telefon pintarnya ketika pemeriksaan dijalankan oleh polis.

Difahamkan, tertuduh mengaku suka menonton dan menyimpan video seks namun dia menegaskan bahawa dia tidak pernah melakukan hubungan seks dengan kanak-kanak.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.